

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 PENERANGAN KONSEP-KONSEP

Perkataan salah laku adalah gabungan kata yang berbeza maksud. Perkataan-perkataan yang ditulis serangkai biasanya disebut kata majmuk. Mengikut Kamus Dewan (1992) perkataan “Salah” pertamanya membawa maksud tidak betul. Keduanya iaitu tidak tepat (sasaran, maksud dan lain-lain), tidak kena. Ketiga iaitu tidak baik, tidak layak, tidak patut, cacat cela. Keempat iaitu perbuatan yang menyalahi hukum (aturan dan lain-lain), perbuatan yang tidak patut (layak). Perkataan “Laku” pula membawa maksud gaya (cara) membuat sesuatu, perbuatan, tabiat. Nik Sapiah (1989) mensifatkan bahawa proses pemajmukan ialah proses yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih dan bentuk yang terhasil membawa makna tertentu. Kata majmuk dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit iaitu bentuknya tidak boleh menerima penyisipan unsur lain.

Kedua-dua perkataan ini apabila digabungkan menjadi “Salah Laku” dengan maksud sesuatu gaya, perbuatan, atau tabiat yang tidak patut atau menyalahi peraturan. Mohamad Daud (1994) menggunakan istilah “Kacau Laku” bagi menghuraikan tingkah laku yang kurang teratur sehingga kepada tingkah laku berkeganguan emosi. Tingkah laku yang tak tersusun atau tak teratur ini ialah tingkah laku yang dipamerkan dengan keamatan tertentu dalam silap tempat, silap masa dan kepada silap orang. Fokus penyelidikan ini ke atas sesuatu gaya, perbuatan atau tabiat pelajar yang tidak patut atau menyalahi peraturan sekolah mereka.

Sekolah menengah agama pula adalah dimaksudkan dengan sekolah menengah yang beraliran agama Islam sahaja tanpa melibatkan agama-agama lain. Pelajar sekolah menengah agama ini amat diharapkan agar menjadi teladan yang baik dengan kelakuan (*behaviour*) atau tabiat yang mulia kepada pelajar-pelajar sekolah yang tidak beraliran agama. Dalam konteks pendidikan Islam, *behaviour* ini diuraikan dengan pengertian *akhlak*.

Ahmad Amin (1969) menyatakan bahawa ilmu *akhlak* itu ialah ilmu yang membahaskan perbuatan manusia atau sesama manusia sama ada ditentukan dengan baik atau buruk. Hussein Bahreisj (1981) mengemukakan pendapat Iman Al-Ghazali yang menyatakan bahawa akhlak itu dapat diibaratkan sebagai gerak jiwa seseorang serta gambaran batin seseorang yang asal fitrahnya (nalurinya) sukakan kebaikan. Namun ianya berubah-ubah kerana desakan sesuatu yang mendorongnya melakukan kebaikan atau keburukan.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Dalam bahagian ini penyelidik berusaha mengenalpasti secara terperinci masalah-masalah salah laku pelajar di dua buah sekolah menengah agama yang diselidiki di Kelantan untuk mendapatkan kedudukan sebenar tingkah laku para pelajar di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki.

Daripada masalah-masalah ini, penyelidik akan menyemak faktor-faktor penyebab timbulnya salah laku di kalangan pelajar ini. Adakah ianya berpunca daripada faktor yang berpunca daripada sekolah, faktor yang berpunca daripada pelajar, faktor

yang berpunca daripada keluarga, faktor yang berpunca daripada persekitaran atau faktor-faktor lain.

Perkara seterusnya yang ingin disemak oleh penyelidik ialah strategi-strategi kawalan salah laku yang diamalkan oleh pihak sekolah di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki. Adakah strategi kawalan salah laku yang diamalkan itu sama atau berbeza? Penyelidik juga ingin menyemak strategi kawalan salah laku yang lebih efektif dan bersesuaian dengan golongan pelajar khususnya pelajar sekolah menengah agama yang diselidiki.

1.3 TUJUAN PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini tidak bermaksud untuk menentukan sama ada tingkah laku itu betul atau salah, tetapi ianya adalah bertujuan seperti berikut :-

- i. Menenalpastikan jenis-jenis salah laku pelajar yang terdapat di sekolah menengah agama (Arab) yang diselidiki.
- ii. Menenalpastikan jenis-jenis salah laku pelajar yang terdapat di sekolah menengah kebangsaan (agama) yang diselidiki.
- iii. Menenalpastikan faktor-faktor penyebab timbulnya salah laku pelajar di sekolah menengah agama (Arab) yang diselidiki.
- iv. Menenalpastikan faktor-faktor penyebab timbulnya salah laku pelajar di sekolah menengah kebangsaan (agama) yang diselidiki.
- v. Menenalpastikan strategi kawalan salah laku pelajar yang diamalkan oleh pihak sekolah menengah agama (Arab) yang diselidiki.

- vi. Menjamin strategi kawalan salah laku pelajar yang diamalkan oleh pihak sekolah menengah kebangsaan (agama) yang diselidiki.
- vii. Menjamin strategi kawalan salah laku pelajar yang efektif berdasarkan iklim sekolah melalui perspektif penyelidik.
- viii. Merumuskan sama ada strategi kawalan salah laku pelajar yang diamalkan di kedua-dua sekolah yang diselidiki ini sesuai atau tidak dengan suasana semasa di seluruh Malaysia.

1.4 SOALAN-SOALAN PENYELIDIKAN

Berdasarkan pernyataan masalah dan tujuan penyelidikan, lapan soalan penyelidikan dibentuk seperti berikut :-

- i. Apakah jenis salah laku pelajar yang terdapat di sekolah menengah agama (Arab) yang diselidiki ?
- ii. Apakah jenis salah laku pelajar yang terdapat di sekolah menengah kebangsaan (agama) yang diselidiki ?
- iii. Mengapakah salah laku pelajar sekolah menengah agama (Arab) yang diselidiki ini berlaku ?
- iv. Mengapakah salah laku pelajar sekolah menengah kebangsaan (agama) yang diselidiki ini berlaku ?

- v. Bagaimanakah strategi kawalan salah laku pelajar yang diamalkan oleh pihak sekolah menengah agama (Arab) yang diselidiki ?
- vi. Bagaimanakah strategi kawalan salah laku pelajar yang diamalkan oleh pihak sekolah menengah kebangsaan (agama) yang diselidiki ?
- vii. Berdasarkan iklim kedua-dua buah sekolah yang diselidiki, apakah strategi kawalan salah laku pelajar yang efektif berdasarkan pemerhatian penyelidik ?

1.5 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Kes-kes salah laku perlu ditangani untuk membolehkan proses pengajaran pembelajaran bergerak lancar dan efektif serta mendapat kepuasan kedua-dua belah pihak : guru dan pelajar. Penyelidikan ini penting untuk menentukan situasi sebenar kepatuhan pelajar sekolah menengah agama yang diselidiki terhadap peraturan sekolah.

Penyelidik berusaha mengenalpastikan secara terperinci masalah-masalah salah laku pelajar pada kedua-dua buah sekolah menengah agama yang diselidiki. Daripada masalah-masalah yang timbul, penyelidik berusaha menyemak faktor-faktor penyebab timbulnya salah laku di kalangan para pelajar ini. Kemungkinan masalah salah laku pelajar di sekolah yang diselidiki ini berpunca daripada sekolah, pelajar sendiri, keluarga, persekitaran atau selain daripada faktor-faktor ini.

Seterusnya penyelidik berusaha menyemak strategi-strategi kawalan salah laku yang diamalkan oleh pihak sekolah pada kedua-dua buah sekolah menengah agama yang diselidiki. Adakah strategi-strategi kawalan yang diamalkan itu efektif atau tidak relevan dengan golongan pelajar khususnya pelajar sekolah menengah agama yang diselidiki ini ?

Hasil penyelidikan ini membolehkan Yayasan Islam Kelantan mendapat gambaran sebenar tentang tingkah laku pelajar di sekolah menengah agama (Arab) yang diselidiki dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan juga mendapat gambaran sebenar tentang tingkah laku pelajar di sekolah menengah kebangsaan (agama) yang diselidiki.

Para pendidik dan kaunselor pendidikan boleh menggunakan hasil penyelidikan ini untuk merancang dan melaksanakan strategi kawalan salah laku yang terdapat di sekolah-sekolah menengah beraliran agama secara berkesan.

Sehubungan dengan ini para ibu bapa, guru, Yayasan Islam Kelantan dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan perlu memberikan perhatian kepada perkembangan pelajar-pelajar di sekolah menengah agama (Arab) dan sekolah menengah kebangsaan (agama) dengan tidak mengambil jaminan bahawa mereka ini tidak bermasalah daripada segi tingkah laku. Mereka juga perlu diberikan layanan yang sama seperti pelajar-pelajar di sekolah menengah yang tidak beraliran agama.

1.6 BATASAN PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini dijalankan di Sekolah Menengah Agama (Arab) Taqaddum Ma'arif, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan [SMU(A)] dan di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Melor, Padang Raja, Kota Bharu Kelantan [SMK(A)]. Sekolah yang pertama iaitu SMU(A) adalah di bawah pentadbiran dan penyeliaan Yayasan Islam Kelantan manakala sekolah yang kedua iaitu SMK(A) adalah di bawah pentadbiran dan penyeliaan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

Walaupun pentadbiran dan penyeliaan SMU(A) dan SMK(A) berbeza, namun kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini adalah sekolah menengah beraliran agama

yang mempunyai banyak persamaan. Kedua-dua buah sekolah ini berada dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan iaitu SMU(A) berada di kilometer ke-10, jalan yang menghubungkan Kota Bharu ke Pasir Puteh manakala SMK(A) pula berada di kilometer ke-21 pada jalan yang sama.

Lokasi kedua-dua buah sekolah ini juga adalah sama iaitu di kawasan kampung yang bebas daripada kesibukan lalu lintas dan tiada pusat-pusat hiburan yang berkemungkinan dapat mempengaruhi gejala sosial pelajar-pelajar mereka. Lokasi yang sama ini juga memudahkan penyelidik beredar dari SMU(A) ke SMK(A) dan sebaliknya bagi tujuan penyelidikan pada waktu persekolahan hari yang sama.

Pelajar di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang belajar dalam satu sesi iaitu sesi pagi sahaja. Tingkatan-tingkatan yang terdapat di SMU(A) dan di SMK(A) adalah hampir sama iaitu tingkatan yang terdapat di SMU(A) ialah tingkatan peralihan, tingkatan satu, tingkatan dua, tingkatan tiga, tingkatan empat dan tingkatan lima manakala tingkatan yang terdapat di SMK(A) pula ialah tingkatan satu, tingkatan dua, tingkatan tiga, tingkatan empat dan tingkatan lima.

Penyelidikan ini difokuskan kepada tingkah laku pelajar secara *lahiriah* atau secara nyata yang menimbulkan berbagai kes salah laku pelajar. Daripada segi kelakuan pelajar, penyelidik berusaha mendapatkan kedudukan sebenar tentang jenis-jenis dan faktor-faktor yang menimbulkan salah laku pelajar di SMU(A) dan SMK(A) melalui proses pengumpulan data.

Fokus penyelidikan yang keduanya iaitu kepada strategi kawalan salah laku. Penyelidik berusaha mengenalpasti strategi-strategi kawalan salah laku yang diamalkan

oleh SMU(A) dan SMK(A). Adakah strategi-strategi kawalan salah laku yang diamalkan ini berkesan atau tidak dan strategi kawalan salah laku yang manakah lebih berkesan bagi kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini ?

Segala maklumat dan keputusan yang diperolehi melalui penyelidikan ini mungkin benar dan bertepatan dengan SMU(A) dan SMK(A) yang diselidiki pada tahun 1998 dan boleh digunakan di sekolah-sekolah lain. Berkemungkinan juga maklumat dan keputusan yang diperolehi melalui penyelidikan ini tidak bertepatan dan tidak relevan dengan sekolah-sekolah lain selain daripada kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini.

1.7 DEFINISI ISTILAH

- | | |
|---------------------------|--|
| a) Salah laku | Sesuatu gaya, perbuatan atau tabiat pelajar yang tidak patut atau menyalahi peraturan sekolah. |
| b) Sekolah menengah agama | Sekolah menengah yang beraliran agama Islam sahaja, tidak termasuk agama-agama lain. Sekolah menengah agama yang dimaksudkan ini adalah sekolah menengah agama yang berada di bawah pentadbiran dan penyeliaan Yayasan Islam Kelantan dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan atau lebih luas lagi iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia. |
| c) Pihak sekolah | Pengetua; Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, guru dan kakitangan yang berada di sekolah. |

- d) Faktor sekolah Faktor-faktor yang berpunca daripada Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, guru, kakitangan yang berada di sekolah, kemudahan yang terdapat di sekolah dan kawasan sekolah.
- e) Tingkah laku jenayah Memeras ugut, menjadi anggota kumpulan jahat, terlibat dengan dadah, berjudi, mencuri, bergaduh dan berlawan, melawan guru dan membuli pelajar.
- f) Tingkah laku lucah Membaca/menunjuk/menyebar bahan/gambar lucah, mengintai pelajar perempuan, bercumbu, menggunakan kata-kata lucah dan melukis/menulis gambar/perkataan lucah.
- g) Tingkah laku musnah Merosakkan harta benda sekolah dan mencemarkan kebersihan dan bangunan sekolah.
- h) Tingkah laku tidak sopan Membuat bising dan mengganggu kelas, berbahasa kasar dan mencarut, tidak menghormati guru/pengawas dan merokok.
- i) Tingkah laku tidak jujur Meniru dalam ujian/peperiksaan, meniru tandatangan ibu bapa, bercakap bohong dan mengubah markah.

- | | |
|---|---|
| j) Tingkah laku ponteng | Ponteng sekolah, ponteng kelas dan ponteng solat zohor berjamaah di sekolah. |
| k) Tingkah laku tidak pentingkan masa | Selalu lewat ke sekolah/kelas. |
| l) Tingkah laku tiada kekemasan diri | Pelajar lelaki berambut panjang dan pelajar perempuan berkuku panjang. |
| m) Tingkah laku cuai terhadap pelajaran | Tidak memberi perhatian semasa guru mengajar dan tidak menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru. |